



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN

*GUIDELINES ON APPLICATION FOR
RENEWAL OF LICENSE*

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN
&

PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

TOUR OPERATING BUSINESS

&

TRAVEL AGENCY BUSINESS

KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN
(IBU PEJABAT & PEJABAT CAWANGAN)**

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

*GUIDELINES ON APPLICATION FOR RENEWAL OF LICENSE
(HEAD OFFICE & BRANCH OFFICE)
TOUR OPERATING BUSINESS & TRAVEL AGENCY BUSINESS*

1. **Syarat-Syarat Permohonan:**

Application requirement:

- (a) Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada **Pesuruhjaya Pelancongan** dalam tempoh **enam puluh (60) hari sebelum** tempoh sah laku lesen berakhir.

*Application for renewal of license shall be submitted to the **Commissioner of Tourism** within the period of **sixty (60) days** of expiry of the license.*

- (b) Permohonan pembaharuan lesen yang dikemukakan **selepas** tempoh sah laku lesen boleh dikenakan kompaun.

*Any application for renewal of license submitted **after** expiry of the license may be compounded.*

- (c) Permohonan pembaharuan lesen **ibu pejabat dan pejabat cawangan** (jika ada) hendaklah dikemukakan secara serentak.

*Applications for renewal of **head office and branch office** licenses (if any) shall be submitted simultaneously.*

- (d) Sekurang-kurangnya seorang wakil syarikat telah menghadiri kursus '**Travel & Tour Enhancement Course (TTEC)**' anjuran oleh **Institut Latihan Pelancongan (ILP)** yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

*At least one representative of the company shall have attended the **Travel & Tour Enhancement Course (TTEC)** organized by any **Tourism Training Institution** licensed by the Ministry of Tourism and Culture.*

- Wakil syarikat boleh terdiri daripada kategori jawatan seperti berikut:

Person holding the following post may be representative of the company:

- **Pemegang saham;** atau
Shareholder; or

- **Ahli lembaga pengarah;** atau
Member of the Board of Directors; or
- **Kakitangan** syarikat yang memegang jawatan dalam **pengurusan tertinggi** syarikat (Contoh: Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi / Pengurus Besar / jawatan lain yang setaraf).

*Employee of the Company holding a **top management post** (example: Chief Executive Officer / Chief Operating Officer / General Manager / other post of the same level).*

- (e) Syarikat hendaklah menjelaskan semua **tunggakan kompaun** yang perlu dibayar di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 (Akta 482)** dan / atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Akta 594) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan** (jika ada).

*The company shall pay all **arrears of compound** payable under the **Tourism Industry Act 1992 (Act 482)** and / or **Tourism Vehicles Licensing act 1999 (Act 594) for Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan** (if any).*

2. **Dokumen Sokongan (berkuatkuasa pada 1 Oktober 2015):**
Supporting Documents (effective 1 October 2015):

- (a) Sekiranya syarikat ada **membuat perubahan kepada status syarikat termasuk perubahan pada nama syarikat, modal berbayar, pemegang saham atau ahli lembaga pengarah** atau **perubahan lokasi premis perniagaan**, syarikat hendaklah mengemukakan dokumen seperti yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Perubahan Status & Lokasi Premis Perniagaan Pengendalian Pelancongan & Perniagaan Agensi Pengembalaan**;

*If the company has made **any changes to its status (including any changes to the name of the company, its paid-up capital, shareholders or board of directors)** or has **changed the location of its business premises**, the company shall submit the documents set out in the **Guidelines on Application for Change of Status & Business Premises Location of Tour Operating Business & Travel Agency Business**;*

- (b) Salinan **laporan penyata kewangan tahunan beraudit terkini** yang telah diserah simpan dan disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);

*A copy of the **latest annual financial audited report** that has been submitted to and verified by the **Companies Commission of Malaysia**;*

- (c) Salinan **lesen kenderaan pelancongan** (bas persiaran & kereta sewa pandu) syarikat yang dikeluarkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594) atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) – (jika berkenaan);

*A copy of the company's **Tourism vehicle license** (excursion bus & hire and drive car) issued under the **Tourism Vehicles Licensing Act 1999 (act 594)** or the **Land Public Transport Act 2010 (Act 715)** (if applicable);*

- (d) Salinan **sijil keahlian persatuan pelancongan** (yang masih sah laku) dan diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia; dan

*A copy of the **Certificate of membership of any tourism association** (that is still valid) recognized by the Ministry of Tourism & Culture; and*

- (e) Salinan **sijil kursus 'Travel & Tours Enhancement Course' (TTEC)** wakil syarikat.

*A copy of the **Travel & Tour Enhancement Course (TTEC) certificate** of the company representative.*

3. **Tatacara Permohonan:**

Application procedure:

- (a) Melengkapkan maklumat permohonan **secara dalam talian (online)** di dalam **Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP)** melalui laman sesawang www.spip.gov.my; dan

*Complete the application information online in the **Tourism Industry Licensing System (SPIP)** at www.spip.gov.my; and*

- (b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di **perenggan 2** hendaklah dimuatnaik ke dalam SPIP.

*Upload all the documents set out in **paragraph 2** to the SPIP.*

4. **Fi Proses :**

Processing Fee:

- (a) **Pembayaran secara dalam talian:** RM20.00 bagi **lesen ibu pejabat dan setiap lesen pejabat cawangan** di www.spip.gov.my ; atau

***Online payment:** RM 20.00 for **head office license and each branch office license** at www.spip.gov.my ; or*

- (b) **Pembayaran secara manual :** RM20.00 bagi **lesen ibu pejabat dan setiap lesen pejabat cawangan** dalam bentuk **wang pos / draf bank / kiriman wang** atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.

***Manual payment:** RM 20.00 for **head office license and each branch office license** in the uniform of postal order / bank draft / money order made payable to the **Pesuruhjaya Pelancongan (Commissioner of Tourism)**.*

5. **Piagam Pelanggan : Tiga (3) hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima

Client Charter: Three (3) working days from the date of receipt of the complete application.

6. **Kriteria Kelulusan Pembaharuan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan & Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB):**

Criteria for Approval of Tour Operating Business & Travel Agency Business (TOBTAB) License Renewal

Bil. No	Perkara Item	Tempoh Lesen License Period
1	<p>(a) Dokumen permohonan pembaharuan <u>lengkap</u>; <i>Documents for application for renewal are <u>Complete</u>;</i></p> <p>(b) Syarikat mencatatkan <u>keuntungan pada tahun semasa</u>; dan <i>Company records a <u>profit for the current year</u>; and</i></p> <p>(c) 'Statement Of Changes In Equity' menunjukkan <u>baki ekuiti mematuhi syarat modal berbayar</u> diterbitkan (Lampiran A). <i>Statement of changes in equity shows that the <u>balance of equity is in compliance with the issued paid-up capital requirement</u> (Appendix A).</i></p>	Tiga (3) tahun <i>Three (3) Years</i>
2	<p>(a) Dokumen permohonan pembaharuan <u>lengkap</u>; <i>Documents for application for renewal are <u>complete</u>;</i></p> <p>(b) Syarikat mencatatkan <u>kerugian pada tahun semasa</u>; dan <i>Company records a <u>Loss for the current year</u>; and</i></p> <p>(c) 'Statement Of Changes In Equity' menunjukkan <u>baki ekuiti mematuhi syarat modal berbayar</u> diterbitkan (Lampiran A). <i>Statement of changes in equity shows that the <u>balance of equity is in compliance with the issued paid-up capital requirement</u> (Appendix A)</i></p>	Dua (2) tahun <i>Two (2) Years</i>
3	<p>(a) Dokumen permohonan pembaharuan <u>lengkap</u>; <i>Documents for application for renewal are <u>complete</u>;</i></p> <p>(b) Syarikat mencatatkan <u>keuntungan / kerugian pada tahun semasa</u>; <i>Company records a <u>profit/loss for the current year</u>;</i></p>	Satu (1) tahun <i>One (1) Year</i>

	<p>(c) 'Statement Of Changes In Equity' menunjukkan <u>baki ekuiti tidak mematuhi syarat modal berbayar</u> diterbitkan (Lampiran A); dan</p> <p><i>Statement of changes in equity shows that the <u>balance of equity is not in compliance with the issued paid-up capital requirement</u> (Appendix A); and</i></p> <p>(d) 'Balance Sheet' menunjukkan syarikat mempunyai <u>aset yang mencukupi</u> untuk menjelaskan liabiliti syarikat.</p> <p><i>Balance sheet shows that the company has <u>sufficient assets</u> to meet its liabilities.</i></p>	
4	<p>(a) Dokumen permohonan pembaharuan <u>lengkap</u>;</p> <p><i>Documents for application for renewal are <u>complete</u>;</i></p> <p>(b) 'Balance Sheet' menunjukkan syarikat <u>tidak mempunyai aset yang mencukupi</u> untuk menjelaskan liabiliti syarikat;</p> <p><i>Balance sheet shows that the company <u>does not have sufficient assets</u> to meet its liabilities;</i></p> <p style="text-align: center;">Atau <i>Or</i></p> <p>(c) Dokumen permohonan pembaharuan <u>tidak lengkap</u>;</p> <p><i>Documents for application for renewal are <u>incomplete</u>;</i></p> <p style="text-align: center;">Atau <i>Or</i></p> <p>(d) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen <u>melebihi tempoh 60 hari sebelum tempoh sah laku lesen tamat</u>.</p> <p><i>Submission of application for licensed renewal is <u>more than 60 days before expiry of licensed</u>;</i></p> <p style="text-align: center;">Atau <i>Or</i></p> <p>(e) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen <u>selepas 30 hari tempoh sah laku lesen tamat</u>.</p> <p><i>Submission of application for the license renewal is <u>more than 30 days after the expiry of license</u>.</i></p>	Tidak lulus <i>Not Approved</i>

7. **Kriteria Kelulusan Pembaharuan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan & Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) Bagi Syarikat Pengendali Kenderaan Pelancongan (Bas Persiaran & Kereta Sewa Pandu):**

Criteria for Approval of Tour Operating Business & Travel Agency Business (TOBTAB) License Renewal for Tourism Vehicle Operating Company (Excursion Bus & Hire and Drive Car):

Bil. No.	Perkara Item	Tempoh Lesen License Period
1	<p>(a) Dokumen permohonan pembaharuan <u>lengkap</u>; <i>Documents for application for renewal are <u>complete</u>;</i></p> <p>(b) Syarikat mencatatkan <u>keuntungan pada tahun semasa</u>; <i>Company records a <u>profit for the current year</u>;</i></p> <p>(c) 'Statement Of Changes In Equity' menunjukkan <u>baki ekuiti mematuhi syarat modal berbayar</u> diterbitkan (Lampiran A); dan <i>Statement of changes in equity shows that the <u>balance of equity is in compliance with the issued paid-up capital requirement</u> (Appendix A); and</i></p>	Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>
2	<p>(a) Dokumen permohonan pembaharuan <u>lengkap</u>; <i>Documents for application for renewal are <u>complete</u>;</i></p> <p>(b) Syarikat mencatatkan <u>kerugian pada tahun semasa</u>; <i>Company records a <u>loss for the current year</u>;</i></p> <p>(c) 'Statement Of Changes In Equity' menunjukkan <u>baki ekuiti mematuhi / tidak mematuhi syarat modal berbayar</u> diterbitkan (Lampiran A); <i>Statement of changes in equity shows that the <u>balance of equity is in compliance / not in compliance with the issued paid-up capital requirement</u> (Appendix A);</i></p> <p>(d) 'Balance Sheet' menunjukkan syarikat mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabiliti syarikat; dan <i>Balance sheet shows that the company has sufficient assets to meet its liabilities; and</i></p>	Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>

	<p>(e) *Syarikat mengemukakan <u>lesen kenderaan pelancongan (bas persiaran & kereta sewa pandu)</u>.</p> <p>*Company has submitted its <u>tourism vehicle license (excursion bus & hire and drive car)</u>.</p> <p>*Kriteria tambahan berkuatkuasa <u>1 Oktober 2015</u>.</p> <p><i>Additional Criteria effective <u>1 October 2015</u>.</i></p>	
3	<p>(a) Dokumen permohonan pembaharuan <u>lengkap</u>;</p> <p><i>Documents for application for renewal are <u>complete</u>;</i></p> <p>(b) 'Balance Sheet' menunjukkan syarikat <u>tidak mempunyai aset yang mencukupi</u> untuk menjelaskan liabiliti syarikat;</p> <p><i>Balance sheet shows that the company <u>does not have sufficient assets</u> to meet its liabilities;</i></p> <p style="text-align: center;">Atau Or</p> <p>(c) Dokumen permohonan pembaharuan <u>tidak lengkap</u>;</p> <p><i>Documents for application for renewal are <u>incomplete</u>;</i></p> <p style="text-align: center;">Atau Or</p> <p>(d) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen <u>melebihi tempoh 60 hari sebelum tempoh sah laku lesen tamat</u></p> <p><i>Submission of application for license renewal is <u>more than 60 days before the expiry of license</u>;</i></p> <p style="text-align: center;">Atau Or</p> <p>(e) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen <u>selepas 30 hari tempoh sah laku lesen tamat</u>.</p> <p><i>Submission of application for license renewal is <u>more than 30 days after the expiry of license</u>.</i></p>	<p>Tidak lulus <i>Not Approved</i></p>

8. **Keputusan Permohonan:**

Application result:

- **Surat makluman keputusan permohonan** akan dikemukakan ke alamat syarikat seperti yang dilesenkan.

A letter stating the result of application will be sent to the company's address as licensed.

▪ **Permohonan LULUS:**

Approved application:

- Sebelum **lesen dan pelekat** diserahkan, syarikat hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

*Before handover of the **license and sticker**, the company shall:*

- (a) Menjelaskan fi lesen bagi **lesen ibu pejabat dan setiap pejabat cawangan** (jika ada); dan

*Pay the fees for the **head office and branch office (if any) licenses;** and*

- (b) Mengembalikan **lesen dan pelekat asal yang telah tamat tempoh sah laku kepada Pesuruhjaya Pelancongan** sebelum lesen dan pelekat baru diserahkan kepada syarikat.

*Return the **original expired license and sticker to the Commissioner of Tourism.***

▪ **Permohonan DITOLAK:**

REJECTED Application:

- Sekiranya permohonan pembaharuan lesen ditolak, syarikat boleh melaksanakan perkara-perkara berikut:

In the event the application for renewal of license is rejected, the company may do the following:

- (a) Mengemukakan **rayuan secara dalam talian melalui www.spip.gov.my dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat makluman keputusan dikeluarkan;

*Submit an appeal online at www.spip.gov.my with **14 days** of the date of notification or result;*

- (b) Mengemukakan **dokumen-dokumen berkaitan** berdasarkan alasan penolakan permohonan; dan

*Submit the **relevant documents** based on the ground of rejection of application; and*

- (c) Menjelaskan **kompaun** bagi kesalahan di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 (Akta 482)** dan / atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Akta 594)** bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (jika ada).

*Settle the **compound** for any offence under the **Tourism Industry Act 1992 (Act 482)** and / or the **Tourism Vehicles Licensing act 1999 (Act 594)** for Sabah, Sarawak and the Federal Territory of Labuan (if any).*

9. **Pengembalian Lesen / Tamat Tempoh Sah Laku Lesen :**

Return of License / Expiry of License

- (a) Sekiranya syarikat gagal mengemukakan permohonan pembaharuan lesen hingga menyebabkan lesen yang diberikan **telah tamat tempoh sah lakunya melebihi 6 bulan** maka **dalam tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh tamatnya tempoh sah laku lesen tersebut, **salinan asal lesen ibu pejabat dan lesen pejabat cawangan (jika ada) hendaklah dikembalikan kepada PESURUHJAYA PELANCONGAN;**

*In the event the company fails to apply for renewal of license leading to the **expiry** of the license granted, the company shall, **within the period of fourteen (14) days** of such expiry **exceeding Sixth (6) months, return to the commissioner of Tourism the original head office and branch office (if any) licenses;***

- (b) Syarikat hendaklah dengan **serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa perniagaan yang berkaitan dengan lesen itu kecuali permohonan pembaharuan telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dan sedang diproses;** dan

*The company shall forthwith cease **to carry out or operate any business in connection with the license** unless an application for renewal has been submitted to the Commissioner of Tourism and the same is being processed; and*

- (c) Kegagalan syarikat mematuhi **perenggan 9 (a) dan (b)** di atas boleh menyebabkan syarikat dikenakan tindakan undang-undang.

*Failure of the company to comply with **paragraphs 9(a) and (b)** above may result in legal action being taken against the company.*

10. **Fi lesen:****License Fees:**

BIL. NO.	JENIS PERNIAGAAN TYPE OF BUSINESS	TEMPOH LESEN LICENSE PERIOD	FI LESEN (IBU PEJABAT) LICENSE FEE (HEAD OFFICE)	FI LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN) SUPPLEMENTARY LICENSE FEE (BRANCH OFFICE)
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri <i>Inbound Tour Operating Business</i>	Satu (1) tahun <i>One (1) year</i>	RM 125.00	RM 75.00
		Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>	RM 250.00	RM 150.00
		Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>	RM 375.00	RM 225.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri <i>Outbound Tour Operating Business</i>	Satu (1) tahun <i>One (1) year</i>	RM 500.00	RM 350.00
		Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>	RM 1,000.00	RM 700.00
		Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>	RM 1,500.00	RM 1,050.00
3.	Perniagaan Agensi Pengembalaan <i>Travel Agency Business</i>	Satu (1) tahun <i>One (1) year</i>	RM 100.00	RM 50.00
		Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>	RM 200.00	RM 100.00
		Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>	RM 300.00	RM 150.00
4.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam dan Luar Negeri <i>Inbound & Outbound Tour Operating Business</i>	Satu(1) tahun <i>One (1) year</i>	RM 625.00	RM 425.00
		Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>	RM 1,250.00	RM 850.00
		Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>	RM 1,875.00	RM 1,275.00
5.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembalaan <i>Inbound Tour Operating Business and Travel Agency Business</i>	Satu (1) tahun <i>One (1) year</i>	RM 225.00	RM 125.00
		Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>	RM 450.00	RM 250.00
		Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>	RM 675.00	RM 375.00
6.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembalaan <i>Outbound Tour Operating Business and Travel Agency Business</i>	Satu (1) tahun <i>One (1) year</i>	RM 600.00	RM 400.00
		Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>	RM 1,200.00	RM 800.00
		Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>	RM 1,800.00	RM 1,200.00
7.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam dan Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembalaan <i>Inbound and Outbound Tour Operating Business and Travel Agency Business</i>	Satu (1) tahun <i>One (1) year</i>	RM 725.00	RM 475.00
		Dua (2) tahun <i>Two (2) years</i>	RM 1,450.00	RM 950.00
		Tiga (3) tahun <i>Three (3) years</i>	RM 2,175.00	RM 1,425.00

11. **Tarikh Kuatkuasa:**
Date of Enforcement:

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2015.**

*These guidelines shall come into effect beginning on **1st October 2015.***

SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR
SYARIKAT PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN (MINIMA)
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaran	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000.00
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaran	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000.00
4.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 50,000.00
6.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
7.	Perniagaan Agensi Pengembaran	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 100,000.00
8.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
9.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaran	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 150,000.00
10.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaran	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
11.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaran	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00

Nota : (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**.

APPENDIX A

SHAREHOLDER, EQUITY LIMIT AND PAID-UP CAPITAL REQUIREMENTS
TOUR OPERATING BUSINESS & TRAVEL AGENCY BUSINESS

NO.	TYPE OF BUSINESS	SHAREHOLDER	SHAREHOLDING EQUITY LIMIT (MAXIMUM)	LOCATION OF PERMISES	ISSUED PAID-UP CAPITAL (MINIMUM)
1.	Inbound Tour Operating Business	Foreign Company (ASEAN / Non-ASEAN)	100%	Urban / Rural	RM1,500,000.00
2.	Inbound Tour Operating Business & Travel Agency Business	Foreign Company (ASEAN)	70% - Singapore/Cambodia only 51% - other than Singapore/Cambodian	Urban / Rural	RM1,000,000.00
3.	Inbound Tour Operating Business & Travel Agency Business	Foreign Company (Non-ASEAN)	30%	Urban / Rural	RM 500,000.00
4.	Outbound Tour Operating Business	Foreign Company (ASEAN / Non- ASEAN)	Not Permitted	Not applicable	Not applicable
5.	Inbound Tour Operating Business	Citizen / Local Company	100%	Urban	RM200,000.00
				Rural	RM 50,000.00
6.	Outbound Tour Operating Business	Citizen / Local Company	100%	Urban / Rural	RM200,000.00
7.	Travel Agency Business	Citizen / Local Company	100%	Urban	RM200,000.00
				Rural	RM100,000.00
8.	Inbound Tour Operating Business & Outbound Tour Operating Business	Citizen / Local Company	100%	Urban / Rural	RM200,000.00
9.	Inbound Tour Operating Business & Travel Agency Business	Citizen / Local Company	100%	Urban	RM200,000.00
				Rural	RM150,000.00
10.	Outbound Tour Operating Business & Travel Agency Business	Citizen / Local Company	100%	Urban / Rural	RM200,000.00
11.	Inbound Tour Operating Business, Outbound Tour Operating Business & Travel Agency Business	Citizen / Local Company	100%	Urban / Rural	RM200,000.00

Note: (1) Urban category if the business premises are located within areas under the jurisdiction of the City Council or Municipal Council

(2) Rural category if the business premises are located within areas under the jurisdiction of the District Council